



Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri,  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 7 TAHUN 2009**

***ANUGERAH INTEGRITI NEGERI PULAU PINANG***

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mengenai pemberian Anugerah Integriti kepada anggota perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang, bagi mempertingkat dan mengukuhkan integriti di kalangan penjawat awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Tumpuan utama Kerajaan Negeri ialah sentiasa menitikberatkan pengukuhan prinsip ketelusan, integriti dan akauntabiliti di kalangan

anggota perkhidmatan awam Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Anugerah Integriti. Anugerah Integriti ini terbuka kepada kesemua peringkat anggota perkhidmatan awam yang berjaya mengetengahkan kepincangan, pembaziran, amalan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam urusan kewangan kerajaan yang mengakibatkan kerugian wang awam atau mengurangkan hasil negeri. Anggota perkhidmatan awam yang terpilih untuk Anugerah Integriti akan menerima:

- i. Ganjaran wang tunai RM10,000.00;
- ii. Sebuah cenderamata;
- iii. Sijil Penghargaan; dan
- iv. Lain-lain ganjaran yang sesuai akan ditentukan kemudian

## **PRINSIP INTEGRITI YANG TERBAIK**

3. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri bagi menginstitusikan prinsip integriti yang terbaik di kalangan anggota perkhidmatan awam supaya seiring dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk mengambil segala langkah yang perlu dalam mengamalkan prinsip *disclosure based*, di mana setiap aktiviti dijalankan dengan penuh ketelusan dan kebertanggungjawaban. Objektif pemberian ganjaran ini adalah bertujuan untuk menyemai dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan Negeri dalam melaksanakan dasar CAT (*Competency, Accountability, Transparency*) yang menjadi teras dan mandat pimpinan negeri, di samping peningkatan integriti pengurusan dan pentadbiran perkhidmatan awam.

4. Integriti adalah berdasarkan kepada kejujuran dan objektiviti, tahap tatasusila yang tinggi serta sentiasa mempraktikkan nilai-nilai hidup murni, penuh tanggungjawab dalam memastikan *value for money* dan

pengawasan serta pengurangan pembaziran dana dan sumber awam. Hasrat Negeri Pulau Pinang untuk menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang mampu berdaya saing di arena global memerlukan kepada anggota perkhidmatan awam yang mempunyai ‘minda kelas pertama’, yang tiada sikap kepentingan peribadi tetapi sebaliknya bertunggak kepada amalan tadbir urus yang terbaik untuk kepentingan rakyat dan negeri, serta memberi imej positif kepada perkhidmatan awam.

## **TERAS PENILAIAN ANUGERAH INTEGRITI**

5. Anggota perkhidmatan awam adalah pemegang amanah dan pengawas ke atas penggunaan kuasa dan sumber yang dipertanggungjawabkan. Dalam menilai kelayakan anggota perkhidmatan awam untuk menerima Anugerah Integriti, kriteria dan indikator yang akan digunakan adalah seperti berikut:
  - i. Penekanan kepada sikap terbuka individu yang berani memberi keterangan tentang penyelewengan yang berlaku di jabatan tanpa perlu dipelawa atau disoal;
  - ii. Membongkar dengan rela hati segala bentuk salah laku, penyelewengan, rasuah nyata dan tidak nyata yang berlaku di jabatan;
  - iii. Melaporkan amalan pentadbiran yang menyimpang dan tidak berhemah serta tidak mematuhi peraturan dan prosedur kewangan yang mengakibatkan kepada pembaziran dan kerugian wang rakyat;

- iv. Mengesan dan mencegah insiden penipuan di jabatan, serta mengenal pasti kelemahan dalam jabatan yang boleh membuka ruang kepada penipuan dan rasuah;
- v. Amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti, komitmen serta kewajipan berkongsi maklumat secara telus untuk memastikan tindakan yang diambil adalah berkesan dan menepati waktu; dan
- vi. Impak penjimatan kewangan, pengurangan pembaziran wang awam dan peningkatan hasil negeri.

## **PANEL PENILAI**

6. Pelaporan berlakunya kepincangan, pembaziran, amalan salah guna kuasa dan penyelewengan dalam urusan kewangan kerajaan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi memastikan penilaian kepada kesahihan laporan dibuat secara objektif tanpa percanggahan kepentingan, sebuah Panel Penilai diwujudkan. Keanggotaan Panel Penilai adalah seperti berikut:

- i. Pengerusi - Pegawai Kewangan Negeri
- ii. Ahli-ahli - Bendahari Negeri  
- Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- iii. Urusetia - Unit Pemantauan Audit, Jabatan Kewangan Negeri

Di samping keanggotaan tetap, ahli Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun sesuatu jabatan juga boleh dijemput apabila perlu untuk membantu Panel Penilai.

### **TARIKH KUAT KUASA**

7. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai **Januari 2009**.

Sekian, terima kasih.

### **'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menurut perintah,

**[ FARIZAN BIN DARUS ]**  
Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang.

Tarikh : Jun 2009

**s.k.: Y.A.B. Ketua Menteri,  
PULAU PINANG.**

**Y.B. Setiausaha Kerajaan,  
PULAU PINANG.**